



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 1/2025**

**PEMBATALAN PEKELILING-PEKELILING DALAM PENGURUSAN HARTA
PUSAKA KECIL**



**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Putrajaya
2025**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2025
Disediakan oleh	Bahagian Pengurusan Pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Menara PETRA No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62574 PUTRAJAYA
Telefon	03 – 8871 2684
E-mel	bpp@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	TERBUKA
Tarikh kuat kuasa	13 JANUARI 2026

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 1/2025**

**PEMBATALAN PEKELILING-PEKELILING DALAM PENGURUSAN HARTA
PUSAKA KECIL**

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menasihatkan kepada semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai perubahan dan pembatalan pekeling-pekeling dalam pengurusan harta pusaka kecil susulan pindaan ke atas Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] melalui Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643].

LATAR BELAKANG

2. Akta A1643 telahpun dikuatkuasakan pada 15 Julai 2024 selaras dengan penetapan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam melalui warta P.U. (B) 267/2024. Pindaan pada kali ini merangkumi pelbagai perubahan dalam aspek proses pengurusan harta pusaka kecil yang akan memberi banyak manfaat kepada orang awam dan organisasi secara menyeluruh. Melalui pindaan ini, bidang kuasa pengurusan harta pusaka kecil yang diselia oleh pihak Jabatan, telah ditingkatkan kepada RM5 juta dan permohonan pusaka kini juga, boleh dipohon jika si mati hanya meninggalkan harta alih sahaja. Manakala, bagi si mati yang meninggalkan hanya harta alih sahaja namun di bawah nilai RM600,000.00 adalah layak bagi prosedur pembahagian terus yang merupakan mekanisma baharu yang diperkenalkan dalam prosedur kerja pembahagian pusaka.

3. Pindaan tersebut juga telah memperkenalkan gelaran jawatan baharu iaitu Pegawai Pembahagian Harta Pusaka bagi menggantikan gelaran jawatan Pentadbir Tanah yang digunakan sebelum ini dalam menguruskan permohonan harta pusaka kecil. Tindakan ini sekaligus, dapat mengelakkan kekeliruan dan kesalahfahaman akan peranan pegawai di Jabatan ini dan Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah khususnya melibatkan urusan pusaka.

4. Selain itu, peraturan subsidiari di bawah Akta 98 iaitu Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [L.N. 495/1955] juga telah dipinda melalui Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2024 [P.U. (A) 194/2024] dan telah berkuat kuasa pada 15 Julai 2024 bagi tujuan keseragaman dengan pindaan Akta 98 disamping untuk mempermudah dan mempercepatkan sesuatu urusan permohonan pusaka.

5. Selaras dengan berkuat kuasanya pindaan Akta 98 melalui Akta A1643 tersebut termasuk peraturan di bawahnya, maka semakan menyeluruh terhadap semua Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan yang berkaitan pengurusan harta pusaka kecil telah dilakukan. Hasil semakan tersebut, sebanyak dua belas (12) Pekeliling tidak lagi relevan dalam konteks perundangan pengurusan harta pusaka kecil dan akan dibatalkan seperti berikut:


- (i) **Bil. 12/2009** – Pengeluaran Surat Kuasa Tadbir (LA) Di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 Bagi Hakmilik Dan Daftar Pegangan Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960;
- (ii) **Bil. 15/2009** – Umur Dewasa Di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98);
- (iii) **Bil. 18/2009** – Pembahagian Tugas dan Memproses Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil;
- (iv) **Bil. 19/2009** – Tuntutan Pembeli Dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil;
- (v) **Bil. 20/2009** – Permohonan Pembahagian Pusaka Bernilai Lebih Daripada RM600,000.00 Yang Dibuat Sebelum 1 September 2009;
- (vi) **Bil. 21/2009** – Pendaftaran Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Kecil;
- (vii) **Bil. 22/2009** – Jenis Harta Tak Alih Yang Boleh Dijadikan Sebahagian Daripada Pusaka Kecil Dan Cara Penyelesaiannya;
- (viii) **Bil. 25/2009** – Pembahagian Harta Pusaka Si Mati Yang Bukan Beragama Islam Dan Meninggal Dunia Tanpa Wasiat
- (ix) **Bil. 26/2009** – Bukti Kematian Yang Sah;
- (x) **Bil. 28/2009** – Pembahagian Harta Alih Kepada Seseorang Yang Belum Dewasa (Minor);
- (xi) **Bil. 31/2009** – Takrif 'Harta Pusaka Kecil' di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98); dan
- (xii) **Bil. 34/2009** – Permohonan Di Bawah Seksyen 17 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).

6. Berdasarkan peruntukan kecualian di bawah subseksyen 25(2) Akta A1643, menyatakan antaranya bahawa semua perintah pusaka termasuk pemberian surat kuasa mentadbir yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah di bawah Akta 98 sebelum Akta A1643 ini berkuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan oleh Pegawai Pembahagian Harta Pusaka dan terus berkuat kuasa. Oleh itu, mana-mana Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengikut mana yang berkenaan, hendaklah membuat pendaftaran dan endorsan sewajarnya selaras dengan peruntukan seksyen 348 Kanun Tanah Negara [Akta 828] apabila perintah pusaka berkaitan dikemukakan kepadanya.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, semua pekeling yang disenaraikan dalam perenggan 5 di atas dengan ini adalah dibatalkan.

8. Pekeling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian dan berkuat kuasa daripada tarikh ia dikeluarkan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

Tarikh: 13/1/2026